

24/04/2002

Sebat di khalayak dapat reaksi berbeza

KUALA LUMPUR, Selasa - Beberapa pihak memberi pandangan berbeza terhadap kesediaan kerajaan memperkenalkan undang-undang baru bagi membolehkan pesalah sumbang mahram disebat di khalayak.

Ada yang berpendapat, hukuman itu bukan saja setimpal dengan kesalahan, malah dapat memberi pengajaran, sekali gus mencegah orang lain daripada mendekati perbuatan berunsur zina.

Di MELAKA, Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr Ismail Ibrahim, berkata hukuman saja tidak memadai untuk mengurangkan perbuatan sumbang mahram sebaliknya pendidikan agama perlu dipertingkatkan.

Beliau berkata, walaupun hukuman sebat dikenakan terhadap pesalah rogol atau pengedar dadah, kegiatan itu tetap berleluasa kerana kurangnya kesedaran terhadap agama.

"Mereka yang terbabit dalam kegiatan ini lazimnya mempunyai masalah termasuk sakit jiwa. Oleh itu, satu kajian menyeluruh perlu dilakukan untuk mengetahui latar belakang mereka.

"Hukuman sebat di khalayak bukan jalan penyelesaian sebaliknya pendekatan lain termasuk kaunseling, pendidikan agama terhadap institusi keluarga perlu dilakukan secara berterusan.

"Jika seseorang itu mempunyai pegangan agama yang kuat, saya tidak fikir mereka sanggup melakukan sumbang mahram," katanya selepas membentangkan kertas kerja pemikiran mengenai Islam di Kolokium Pemikiran Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam dilaporkan berkata, kerajaan bersedia memperkenalkan undang-undang baru bagi membolehkan pesalah sumbang mahram disebat di khalayak, jika rakyat menyokong pelaksanaan hukuman itu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan ingin maklum balas seperti itu kerana tindakan seumpamanya tidak pernah dilakukan di negara ini.

Sementara itu, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata secara peribadi beliau menyokong pandangan Dr Mahathir supaya pesalah sumbang mahram disebat di khalayak.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis Agama Islam Melaka (Maim) berkata, langkah itu wajar sebagai pengajaran kepada orang lain dan sekali gus dapat mengurangkan perbuatan keji yang kini semakin menjadi-jadi.

Katanya, lebih malang kejadian itu turut dilakukan oleh mereka yang berumur dan berpengetahuan agama yang sepatutnya bertindak melindungi keluarga masing-masing.

Di KOTA BHARU, Pendakwah bebas, Ahmad Che Kob, berkata sudah sampai masanya kerajaan melaksanakan hukuman itu, sama ada terhadap pesalah sumbang mahram, penzina mahupun perogol sebagai iktibar kepada orang ramai.

Beliau berkata, walaupun hukuman sedia ada iaitu sebat dan penjara dianggap memadai dengan kesalahan, ia gagal memberi kesedaran kerana mereka hanya mendapat tahu menerusi media atau rakan.

"Begitu juga hukuman gantung sampai mati terhadap pengedar dadah, mereka tahu akibat kesalahan itu, tetapi tetap melakukannya kerana hukuman itu dikenakan ke atas orang lain, bukan diri mereka.

"Sebab itu, walaupun kerajaan memperkenalkan hukuman berat, ia tidak memberi kesan, malah kegiatan itu semakin serius, tetapi jika kerajaan ada pilihan selain hukuman gantung sampai mati, saya percaya kes pengedaran dadah dapat dikurangkan," katanya.

Bekas Setiausaha Persatuan Kebajikan Islam Malaysia, Nik Dzulkifli Ami Abdullah, yang bersetuju dengan cadangan itu berkata, di samping melaksanakan hukuman baru kerajaan perlu mempertingkatkan program berbentuk agama di kampung dan desa sebagai usaha menyedarkan masyarakat Islam.

Selain itu, Pegawai Dakwah Khas, Yayasan Dakwah Islam Malaysia (Yadim), Zubir Che Mat, pula berkata hukuman itu tidak sesuai kerana boleh mendatangkan keaiban kepada pesalah dan ahli keluarganya.

Katanya, walaupun hukuman itu ada disebut dalam al-Quran, sebagai pemerintah mereka mempunyai kuasa untuk mengkaji dan mencari pendekatan terbaik.

"Kita tidak boleh menghebohkan kesalahan orang lain kepada umum kerana perbuatan itu mengaibkan mereka dan kesannya akan ditanggung oleh ahli keluarga pesalah untuk jangka masa panjang," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Peguam Malaysia, Mah Weng Kwai, berkata satu kajian mendalam perlu dijalankan supaya meninggalkan kesan mendalam untuk jangka masa panjang sekali gus bagi menjamin kejadian yang sama tidak berulang.

Beliau berkata, walau seberat mana hukuman yang dikenakan terhadap pesalah, ia bukanlah satu mekanisme terbaik kerana tidak mustahil mereka akan kembali melakukan perkara yang sama.

"Hukuman rotan secara terbuka kepada pesalah hanya akan menyumbang kepada masyarakat lebih ganas. Tindakan berkenaan juga bukan menjadi amalan masyarakat kita.

"Jika hukuman sebat di khalayak dilaksanakan, prosedur itu juga akan turut mendedahkan identiti mangsa yang menyebabkan kesan yang lebih buruk," katanya.

Beliau berkata, menjadi tanggungjawab kerajaan menghapuskan kemiskinan serta meningkatkan tahap kehidupan dalam negara terutama kawasan luar bandar yang dipercayai menjadi kawasan yang banyak menyumbang kepada jenayah sumbang mahram.

(END)